Universiti Malaya

Pengajian Bahasa Arab di Universiti Malaya walaupun baharu setahun umurnya, tetapi mahasiswa-mahasiswa kita yang mengikutinya telah menunjukkan kemajuannya dan sudah boleh menterjemah dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dengan baik, sebagaimana yang kami baca hasil mereka, dan di bawah ini kami turunkan terjemahan dua buah syair sebagai contoh.

Pengajian Bahasa Arab di Universiti Malaya terletak di bawah kelolaan Dr Muḥammad Abū Khayr Zakī, pensyarahnya, seorang anak Mesir yang berkeluasan Azhar dan Universiti London, dan juga bekas Pensyarah Kolej Islam Malaya - Pengarang Qalam.

Akhi (saudaraku)

'Akhi" demikian tajuk sebuah syair ciptaan Mikha'il Na'īmah pujangga Arab Lubnan yang terkenal, telah diterjemahkan cari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu oleh saudara Abdullah Haji Nuh salah seorang mahasiswa yang mengikuti Pengajian Bahasa Arab di Universiti Malaya. Terjemahannya seperti berikut:

Kawanku!

"Kawanku, jika sekiranya orang-orang barat pulang dari medan perang bertempik sorak kerana kemenangan mereka dan memberi kehormatan kepada perajurit-perajurit yang mati dan memberi penghargaan kepada bakti-bakti mereka, maka kamu janganlah berbuat demikian.Jangan sekali-kali kamu memuji-mujikan suatu kemenangan dan juga jangan kamu ketawakan kekalahan atau kejahatan seseorang tetapi marilah tunduk sejurus bersama-samaku dengan hati yang penuh tawaduk dan dengan penuh kesudahan seperti mana kita meratap kepada saudara-saudara kita yang telah mati.

Kawanku, jika seseorang perwira kembali dari medan perang ke tanah air dan mendapati hilang segala kesakitan dan lelahnya dan kawan-kawannya menyambut baik kepulangannya, maka kamu janganlah begitu, janganlah kamu berharap teman-temanmu yang kamu tinggalkan dahulu itu menunggu kamu. Mereka telah menemui kelaparan dan tidak ada sesiapa yang akan menyambut kamu pulang melainkan jasad-jasad mereka yang telah mati.

Kawanku, jika seseorang peladang pulang semula ke ladang membajak dan menanam tanaman-tanaman baharu selepas ditinggalkan beberapa lama dan memperbaiki semula rumahnya yang telah rosak akibat dari peperangan, maka hal ini sangatlah menyedihkan. Kesusahan hidup menjadi-jadi; segala mata air telah kering di kambus oleh pasir-pasir. Sesungguhnya yang memerangi negeri kita itu tidak meninggalkan satu apa pun yang baik; mereka

melanda ladang-ladang kita hingga ada lagi satu tumbuhan pun yang hidup; apa yang mereka tinggalkan ialah cuma badan manusia yang tiada bernyawa.

Kawanku, segala yang ku sebutkan di atas tentu tidak berlaku melainkan jika kita berkehendaknya. Mala petaka yang menimpa kita itu adalah kita yang memintanya. Tak perlu sedu-sedan; tak perlu membuang air matamu. tidak ada siapa yang ingin mendengar ratapmu itu. Tetapi, kawanku, marilah ikut bersama-samaku, pergi mengorek lubang perkuburan dan masuk ke dalamnya bersama-sama dengan kawan-kawan kita yang telah mati. Cuma dengan jalan inilah sahaja orang tidak akan melihat kita lagi.

Kawanku mahu bertanya: Siapa kita ini? Kita tidak mempunyai teman, kita tidak mempunyai jiran dan kita tidak mempunyai tanah tumpah darah. Biar apa kita lakukan, biar pun kita tidur atau pun kita bangun, kita akan tetap malu hendak hidup. Juga akan sia-sia jika kita hidup atau pun mati kerana dunia ini telah jemukan kita. Tidak ada lain yang kita patut berbuat sekarang melainkan mengorek lubang liang untuk kita menguburkan badan kita masing-masing yang masih bernyawa ini."

(Syair ciptaan pujangga "Na'īmah" ini juga telah diterjemahkan dengan baik, oleh mahasiswa-mahasiswa yang lain menurut gaya-gaya masing, seperti saudara-sauadara: Kassim Ahmad, Ismail Ambiya, Wan Mansur Abdullah, Anis Sobirin (wanita), Muhammad Zin Mahmud, Nik Badlishah, Idris Haji Mansur, Abdul Aziz Hussein, Badaruddin Abdul Samad, Ainol Adnan, Harun bin Din, dan Sheikh Mahmud Ali).

Indamā ya'tī al-masā'a

Sebuah syair lagi, ciptaan Mahmūd Abū al-Wafā, bertajuk *"indamā ya'ti al-masa"* (Apabila Senja Menjelang), telah juga diterjemahkan oleh mahasiswa-mahasiswa kita itu, dan sebagai contoh, kami sajikan di sini terjemahan saudara Kassim Ahmad:

Pabila Senja Menjelang

Pabila senja menjelang
Dan malam diterangi bintang
Oh tanyalah pada dewi senja
Bilakah kekasihku tiba.

Pabila bintang menghiasi langit
Gemerlapan bak mutiara
Oh tanyalah kekasihku
Betapa ku cinta dan sayu.

Tiap bintang nan di langit
Bintang lain mengiringi
Tetapi hatiku……oh
Betapa jauh diayun sunyi.

Kepada kau oh kekasihku
Ku berikan cinta dan jiwa
Lebih kudus tiada ada
Untuk kamu menerima.

Ke mana juga mataku
Mengarah di angkasa
Tidak aku lihat
Satu bintang yang manja

Ha! Mungkinkah oh malam
Aku dikasihi
Agar bersama kekasih
Boleh aku melafazkan nyanyi?